

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI**  
**NASARAH [LENGGONG]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 86**

**YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

- (a) apakah status mahupun perkembangan terkini mengenai rokok elektronik / vape yang telah ditetapkan oleh Kementerian; dan
- (b) sejauh mana penyelidikan serta kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian terhadap cecair yang dihasilkan oleh pengusaha tempatan. Adakah ia bebas daripada sebarang kandungan yang tidak dibenarkan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

- a) Nikotin merupakan sejenis bahan yang disenaraikan sebagai racun berjadual di bawah Akta Racun 1952. Oleh itu, KKM melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi mengawal semua penjualan cecair *vape*/ rokok elektronik yang mengandungi nikotin manakala cecair *vape*/ rokok elektronik yang tidak mengandungi nikotin dikawal

oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan. Pemantauan ke atas penjualan cecair *vape*/ rokok elektronik yang mengandungi nikotin ini sentiasa dilakukan dan jika berlaku pelanggaran undang-undang, tindakan penguatkuasaan akan diambil.

Berikut adalah statistik bilangan dan nilai rampasan bagi tahun 2015 hingga 2017 (Januari hingga Jun) :

**RAMPASAN CECAIR VAPE MENGANDUNGI NIKOTIN  
2015 – 2017 (SEHINGGA JUN)**

<b>TAHUN</b>	<b>BIL. RAMPASAN (UNIT)</b>	<b>NILAI RAMPASAN (RM)</b>
2015	4,348	1,358,813
2016	230	274,715
2017 (JAN - JUN)	93	60,556

(b) Sebanyak dua kajian berkenaan rokok elektronik/ *vape* telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2016 iaitu yang pertama, *National E-cigarette Survey (NECS) 2016: Prevalence, Pattern And Perception Regarding E-Cigarette And Vape Use Among Malaysian Adults* dan yang kedua, *Chemical Constituents In E-Cigarettes Liquid Solutions And Aerosols In Malaysia*.

Bahan yang boleh didapati di dalam cecair dan asap rokok-elektronik/*vape* (ECV) ialah nikotin. Logam berat dan *volatile organic carbon* (VOC) merupakan bahan yang juga terdapat di dalam cecair ECV dan di dalam asap ECV pula ialah akibat daripada *proses aerosolization* sewaktu pemanasan *coil* ECV.

Kajian pertama merupakan kajian kolaborasi diantara Institut Kesihatan Umum (IKU), Kementerian Kesihatan Malaysia dengan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM). Kajian ini bercorak "population based" yang berobjektif untuk menilai penggunaan ECV di kalangan penduduk dewasa berusia 18 tahun dan ke atas di Malaysia. Salah satu komponen kajian adalah menentukan kandungan nikotin dalam cecair ECV yang diperolehi daripada responden semasa sesi temubual dijalankan.

Daripada 81 sampel cecair ECV yang di analisa didapati terdapat sampel cecair ECV tidak mempunyai label tetapi didapati mengandungi nikotin.

Terdapat sampel cecair ECV dilabelkan mengandungi kandungan nikotin sifar pada label bekas ECV, tetapi didapati mengandungi nikotin. Terdapat sampel mengandungi tahap nikotin yang lebih tinggi daripada tahap yang dinyatakan pada label pada bekas ECV. Terdapat juga sampel mempunyai kepekatan nikotin yang lebih rendah daripada kandungan yang dinyatakan pada label bekas cecair ECV.

#### **Tuan Yang di-Pertua,**

Kajian kedua merupakan kolaborasi diantara Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dengan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Jabatan Kimia Malaysia dan Perkin Elmer Sdn. Bhd. Kajian ini bercorak analisis ke atas cecair ECV yang diperolehi daripada lembah kelang berobjektif untuk menentukan kandungan kimia cecair dan asap ECV. Parameter yang dianalisa ialah nikotin, logam berat dan VOC.

Daripada sebanyak 40 sampel cecair ECV berlabel mengandungi nikotin dan 35 sampel cecair yang berlabel tiada mengandungi nikotin yang dianalisa didapati:

Beberapa sampel cecair ECV dilabelkan mengandungi kandungan nikotin sifar pada label bekas ECV, tetapi didapati mengandungi nikotin. Terdapat juga sampel mengandungi tahap nikotin yang lebih tinggi daripada tahap yang dinyatakan pada label bekas ECV. Sejumlah sampel didapati mempunyai kepekatan nikotin yang lebih rendah daripada kandungan yang dinyatakan pada label bekas cecair ECV.

Empat logam berat iaitu plumbum (Pb), Nikel (Ni), kromium (Cr) dan cadmium (Cd) didapati di dalam cecair ECV dan juga di dalam aerosol. Logam berat yang paling banyak didapati di dalam cecair ECV ialah Pb, diikuti oleh Cd, Ni dan Cr. Walaubagaimanapun, di dalam asap, Cr adalah yang paling banyak di dapati, diikuti oleh Cd, Ni dan Pb. Walaubagaimanapun, kepekatan logam berat di dalam asap adalah rendah berbanding di dalam cecair.

Sebanyak 116 VOC dikenalpasti daripada cecair ECV dan 275 VOC pula dikenalpasti di dalam asap.

*Propylene glycol* dan *glycerine* didapati dalam 96% cecair dan asap ECV. Kedua-dua bahan kimia ini adalah merupakan kandungan utama cecair ECV.

Terdapat lebih kurang tujuh bahan lain didapati di dalam 30% sampel cecair ECV yang dianalisa. Bahan ini bertanggungjawab memberikan perasa di dalam cecair ECV. Sebagai contoh, butanoic acid ethyl ester memberikan bau buah dan biasanya digunakan sebagai perasa dan minyak wangi.

Keputusan kajian juga mendapati terdapat lebih daripada 55% sampel asap mengandungi lima bahan utama yang tidak didapati di dalam

cecair ECV. Bahan tersebut adalah acrolein, 2-propanone 1-hydroxy-, acetic acid, nicotyrine dan 2-propen-1-ol. Pembentukan bahan lain ini boleh dikaitkan dengan proses 'aerosolization' sewaktu penggunaan ECV atau daripada alat ECV itu sendiri.

Kesimpulannya, kajian mendapati pelabelan kandungan nikotin pada bekas ECV tidak selari dengan kandungan yang dianalisa. Kehadiran logam berat adalah pada kepekatan yang rendah di dalam cecair dan asap ECV. Bilangan VOC di dalam asap ECV adalah lebih banyak daripada di dalam cecair ECV.

## SOALAN (87)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH [LENGGONG]

SOALAN :

**YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah proaktif Kementerian dalam menggalakkan golongan wanita kembali bekerja dan mematuhi aspirasi negara iaitu 59 peratus tenaga wanita dalam pasaran pekerjaan. Apakah cabaran serta kekangan bagi golongan ini untuk kembali bekerja.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2011, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan sasaran untuk meningkatkan sumbangan wanita dalam ekonomi dengan meningkatkan Kadar Penyertaan Buruh Wanita kepada 55% menjelang 2015. Sasaran ini seterusnya ditingkatkan kepada 59% menjelang 2020 semasa YAB Perdana Menteri membuat pembentangan bajet 2017.

Antara inisiatif untuk meningkatkan Kadar Penyertaan Buruh Wanita ialah *Career Comeback Programme (CCP)* yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri yang memberi insentif kepada majikan untuk merekrut dan mengekalkan wanita yang memilih untuk berehat dari kerjaya. TalentCorp dalam inisiatif bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, telah memperkenalkan dua geran - *Resourcing Grant* dan *Retention Grant* - untuk menggalakkan majikan menggaji wanita yang memilih untuk bekerja semula setelah berehat dari kerjaya dan mengekalkan mereka dalam pekerjaan selama lebih dari enam bulan. Ini bertujuan untuk meningkatkan kadar penyertaan

wanita dalam tenaga kerja dan menggalakkan majikan untuk merekrut wanita untuk bekerja semula setelah berehat dari kerjaya dan mengekalkan mereka bekerja selama lebih dari enam bulan.

Bagi wanita, program CCP memberi peluang untuk menghubungkan mereka dengan majikan seterusnya mendedahkan mereka kepada peluang pekerjaan yang disediakan dalam pasaran kerja. Wanita yang layak mendaftar untuk program ini akan berada dalam pangkalan data TalentCorp sebagai wanita yang aktif dan bersedia dipadankan dengan pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan. Dari semasa ke semasa, wanita akan mendapat manfaat daripada bengkel latihan dan berita mengenai program yang dijalankan khas untuk merekrut wanita untuk bekerja semula setelah berehat dari kerjaya.

Dalam kaji selidik bersama antara TalentCorp dan ACCA '*Retaining Women in the Workforce*' pada tahun 2012, mendapati 93 peratus wanita berhasrat untuk kembali bekerja, namun terdapat 63 peratus wanita yang ingin kembali bekerja mendapati sukar untuk memasuki semula tenaga kerja berikutan persepsi dan kecenderungan majikan dalam proses pemilihan. Dalam hubungan ini, Kerajaan melalui TalentCorp menyediakan *resourcing grant* untuk menggalak serta



menarik majikan merekrut dan mengekalkan wanita bekerja dengan meningkatkan kemudahan mesra keluarga terutamanya bagi pekerja wanita. Di samping itu, *retention grant* disediakan bertujuan untuk memberi insentif kepada majikan mengekalkan wanita di tempat kerja.

Sekian, terima kasih.

7 Ogos 2017

## SOALAN ( 88 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH [LENGGONG]**

**SOALAN :**

**YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah proaktif Kementerian dalam menggalakkan golongan wanita kembali bekerja dan mematuhi aspirasi negara iaitu 59 peratus tenaga wanita dalam pasaran pekerjaan. Apakah cabaran serta kekangan bagi golongan ini untuk kembali bekerja.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2011, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan sasaran untuk meningkatkan sumbangan wanita dalam ekonomi dengan meningkatkan Kadar Penyertaan Buruh Wanita kepada 55% menjelang 2015. Sasaran ini seterusnya ditingkatkan kepada 59% menjelang 2020 semasa YAB Perdana Menteri membuat pembentangan bajet 2017.

Antara inisiatif untuk meningkatkan Kadar Penyertaan Buruh Wanita ialah *Career Comeback Programme (CCP)* yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri yang memberi insentif kepada majikan untuk merekrut dan mengekalkan wanita yang memilih untuk berehat dari kerjaya. TalentCorp dalam inisiatif bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, telah memperkenalkan dua geran - *Resourcing Grant* dan *Retention Grant* - untuk menggalakkan majikan menggaji wanita yang memilih untuk bekerja semula setelah berehat dari kerjaya dan mengekalkan mereka dalam pekerjaan selama lebih dari enam bulan. Ini bertujuan untuk meningkatkan kadar penyertaan

wanita dalam tenaga kerja dan menggalakkan majikan untuk merekrut wanita untuk bekerja semula setelah berehat dari kerjaya dan mengekalkan mereka bekerja selama lebih dari enam bulan.

Bagi wanita, program CCP memberi peluang untuk menghubungkan mereka dengan majikan seterusnya mendedahkan mereka kepada peluang pekerjaan yang disediakan dalam pasaran kerja. Wanita yang layak mendaftar untuk program ini akan berada dalam pangkalan data TalentCorp sebagai wanita yang aktif dan bersedia dipadankan dengan pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan. Dari semasa ke semasa, wanita akan mendapat manfaat daripada bengkel latihan dan berita mengenai program yang dijalankan khas untuk merekrut wanita untuk bekerja semula setelah berehat dari kerjaya.

Dalam kaji selidik bersama antara TalentCorp dan ACCA '*Retaining Women in the Workforce*' pada tahun 2012, mendapati 93 peratus wanita berhasrat untuk kembali bekerja, namun terdapat 63 peratus wanita yang ingin kembali bekerja mendapati sukar untuk memasuki semula tenaga kerja berikutan persepsi dan kecenderungan majikan dalam proses pemilihan. Dalam hubungan ini, Kerajaan melalui TalentCorp menyediakan *resourcing grant* untuk menggalak serta

menarik majikan merekrut dan mengekalkan wanita bekerja dengan meningkatkan kemudahan mesra keluarga terutamanya bagi pekerja wanita. Di samping itu, *retention grant* disediakan bertujuan untuk memberi insentif kepada majikan mengekalkan wanita di tempat kerja.

Sekian, terima kasih.

7 Ogos 2017

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji  
Nasarah [Lenggong]**

**SOALAN : Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji  
Nasarah minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI menyatakan:-**

- (a) kaedah yang dilakukan oleh Kementerian dalam memeriksa ketulenan beras yang diimport dari negara luar bagi mengelakkan berlakunya 'panic attack' di kalangan pengguna; dan
- (b) sejauh mana Kementerian memantau aktiviti penyeludupan beras di kawasan sempadan yang dikhuatiri beras palsu dicampur dengan plastik berada di dalam pasaran negara.

**Tuan Yang Dipertua,**

- (a) Kementerian bekerjasama dengan Jabatan Kimia Malaysia bagi memastikan tiada kandungan plastik atau bendasing dan beras disahkan sebagai tulen.
  
- (b) Selain daripada pemantauan dan operasi pencegahan penyeludupan yang dilaksanakan oleh Penguatkuasa Kawalselian Padi dan Beras, Jawatankuasa 'Task Force' juga telah ditubuhkan bagi mencegah penyeludupan beras yang melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan di sempadan seperti Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), Jabatan Kastam Di Raja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).